

Persepsi Penganut Muslim dan bukan Muslim terhadap Isu-Isu Sensitif Agama: Kajian di Lembah Klang

Muslim and Non-Muslim Perception on Religious Sensitive Issues: A Study in Klang Valley

NUR FARHANA ABDUL RAHMAN* & NUR SYARIIHAH MUHAMMAD SHAH¹

ABSTRACT

Religious sensitive issues are frequently raised in the Malaysia community whether by Muslims or non-Muslims. The rise of these issues could affect the peace and harmony of the country if it is not well handled. Therefore, this article aims to examine the perceptions of religious people in the Klang Valley on issues of religious sensitivity as well as explaining the level and factors of religious sensitivity. The study used quantitative methods through the distribution of questionnaires to 384 respondents living in the Klang Valley, namely, Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya. The respondents consisted of Muslims, Buddhists, Hindus and Christians. The findings of the study were descriptively analyzed using frequency, percentage, mean and standard deviation. The study found that the most sensitive issue in theological context was the contempt of the scriptures or religious practices, in the social context was the act of doing damage to the synagogue while in the context of ethics it was an insult to the body or body of the religious. The level of religious sensitivity reported to be high on matters of theology and ethics but on social matters, it is at a moderate level. This indirectly indicates that matters affecting theology and ethics are more sensitive than social matters. Studies have also reported that the biggest obstacle to maintaining religious sensitivity is social media as the platform often presents news of religious tensions leading to prejudice among people of various religions.

Keywords: Islam in Malaysia, majority-minority relations, religious sensitive issues, religious pluralism, religions in Malaysia

Pemeliharaan keharmonian antara agama di Malaysia memerlukan satu usaha yang jitu daripada semua penganut agama memandangkan Malaysia terdiri daripada masyarakat multi-agama. Kepelbagaian agama yang wujud di Malaysia boleh membentuk dua keadaan sama ada konflik atau kedamaian. Sekiranya titik persamaan antara penganut agama tidak dapat dicapai, masyarakat akan berdepan dengan pelbagai konflik agama.

Usaha utama dalam memastikan keharmonian terpelihara adalah melalui sikap memahami sensitiviti agama-agama berdasarkan fahaman agama tersebut. Hal ini kerana, menurut Muhammad Nazmi et al. (2016), sensitiviti setiap agama adalah berbeza-beza. Kefahaman tersebut merangkumi aspek-aspek seperti perkara yang dibolehkan dan tidak dibolehkan dalam sesuatu agama atau perkara yang mengganggu perasaan penganut agama

¹ **Nur Farhana Abdul Rahman*** (corresponding author), Ph.D., senior lecturer at Centre for Theology and Philosophy Studies, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, email: nfarhana@ukm.edu.my; **Nur Syariyah Muhammad Shah**, M.A. candidate at Centre for Theology and Philosophy Studies, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, email: P93716@stud.ukm.edu.my.

tertentu dan sebaliknya. Hal ini bagi memandu tindakan penganut agama apabila terjadinya interaksi dua hala dengan penganut agama lain agar tindakan tersebut tidak sampai mencetuskan rasa tidak senang dalam kalangan penganut agama tersebut. Kegagalan dalam memahami sensitiviti agama lain mampu menimbulkan pelbagai isu dan konflik antara agama sebagaimana yang telah berlaku sehingga kini.

Isu-isu yang menyentuh sensitiviti agama secara jelas diperkatakan bermula tahun 1990 sehingga millennium. Pada tahun 1950-1960, isu kewarganegaraan dan kontrak sosial merupakan isu utama di Malaysia. Sepuluh tahun kedua, iaitu pada tahun 1960-1970, Malaysia mengalami konflik baru iaitu berkenaan bahasa sehingga timbul isu-isu berkenaan bahasa. Isu baru mula muncul pada tahun berikutnya iaitu isu kuota dan urbanisasi namun mula kurang diperkatakan menjelang tahun 1980. Pada tahun 1980-1990, tidak terdapat isu besar yang dilaporkan namun menjelang tahun berikutnya, isu agama dilihat menjadi isu utama dalam kalangan masyarakat Malaysia sehingga ia memberikan pengaruh yang besar dalam hubungan antara penganut-penganut agama. Isu-isu ini mendatangkan perbalahan dan pergaduhan sesama masyarakat berlainan agama secara tidak langsung menunjukkan, isu agama adalah isu sensitif dalam masyarakat multi-agama (Siti Khatijah & Fadzli 2017).

Antara isu-isu sensitiviti agama yang muncul dalam kalangan masyarakat sebagaimana yang dipaparkan sebahagian besarnya di media sosial ialah isu berkenaan teologi, sosial, etika dan sebagainya. Isu-isu ini mempunyai tahap sensitiviti yang berbeza mengikut persepsi penganut agama. Sebagaimana isu berkenaan laungan azan, bacaan dan aktiviti masjid, menurut Ab. Aziz et al. (2008), pada 1993, isu tersebut dikenalpasti sebagai salah satu punca wujudnya persepsi negatif bukan Muslim terhadap Muslim terutama apabila melibatkan bunyi-bunyi dari masjid atau surau yang bukan dari suruhan agama. Bunyi-bunyi tersebut mendatangkan rasa tidak senang penduduk yang tinggal berhampiran dengan masjid atau surau. Menjelang tahun 20-an, isu ini tidak lagi diperkatakan namun mula dibangkitkan semula lima tahun selepas itu apabila muncul beberapa individu yang mempersoalkan kewajaran penggunaan pembesar suara ketika melaungkan bacaan-bacaan serta kuliah dan ceramah (Anon 2015b).

Perkara ini mendapat perhatian apabila Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) menerima 10 aduan berkenaan isu penggunaan pembesar suara untuk semua aktiviti masjid atau surau. Aduan-aduan tersebut menyebabkan munculnya cadangan untuk membataskan penggunaan pembesar suara di semua masjid dan surau di Pulau Pinang. Pembesar suara hanya boleh digunakan untuk melaungkan azan sahaja kerana jika digunakan pada aktiviti-aktiviti masjid yang lain ianya akan mengganggu ketenteraman penduduk berhampiran. Cadangan ini telah dikritik oleh penganut agama Islam kerana disifatkan sebagai satu tindakan yang tidak wajar (Anon 2015b). Hal ini secara jelas mendatangkan sedikit rasa tidak puas hati Muslim terhadap bukan Muslim.

Antara isu-isu lain yang muncul dalam kalangan masyarakat Malaysia adalah sebagaimana yang diketengahkan oleh Zaid et al. (2014). Isu-isu tersebut adalah isu penghinaan terhadap agama, isu hak penjagaan anak, isu tuntutan mayat, isu Malaysia negara Islam atau sekular, isu tapak rumah ibadat, isu hudud, isu bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah, isu kalimah Allah, isu Bible versi Bahasa Melayu, isu pertukaran agama dan isu penyebaran agama lain. Secara keseluruhannya, kesemua isu tersebut adalah penting menurut persepsi responden kajian. Namun tahap kepentingannya berbeza mengikut kawasan kajian. Isu paling penting di semenanjung ialah isu tapak rumah ibadat manakala di Sabah dan Sawarak pula kedua-duanya ialah isu penghinaan agama.

Menurut Abd Hakim et al. (2015), isu kalimah Allah, yang pernah menjadi perbincangan utama masyarakat telah diketengahkan sebagai isu sensitif sehingga isu tersebut dijadikan sebagai ukuran semula atau penanda aras dalam memahami sikap masyarakat Kristian terhadap masyarakat Islam di Sabah. Hasil kajian mendapati bahawa, sikap masyarakat Kristian terhadap masyarakat Islam di Sabah adalah positif dan baik sama ada sebelum atau selepas timbulnya isu tersebut. Hal ini disebabkan oleh ikatan sosial antara masyarakat Sabah yang berlainan agama

amat kuat. Bahkan menurut Khairul Azhar (2016a), kalimah “Allah” telah lama digunakan oleh masyarakat Kristian khususnya di Borneo dan ianya tidak mendatangkan sebarang konflik agama. Walaubagaimanapun, dapatan yang berbeza kemungkinan diperoleh melalui kajian di kawasan Semenanjung Malaysia memandangkan hubungan antara penganut agama masih belum stabil serta kalimah “Allah” tidak digunakan oleh mana-mana agama selain agama Islam.

Kemunculan isu-isu sensitiviti agama merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada kerapuhan dan keruntuhan sesebuah masyarakat. Antara konflik atau isu agama tersebut ialah isu penghinaan agama, isu murtad, isu bidang kuasa Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil, isu negara Islam, isu hudud serta isu berkenaan tapak rumah ibadat. Isu-isu ini kebanyakannya menyentuh undang-undang negara. Golongan bukan Islam tidak berpuas hati dengan pendirian umat Islam terhadap isu-isu tersebut walaupun Perkara 3 dan Perkara 11 dalam Perlembagaan Persekutuan dijelaskan. Sebahagian bukan Muslim mempersoalkan kewajaran atau autoriti Muslim terutamanya dalam isu murtad, hudud, tapak rumah ibadat dan sebagainya. Hal ini secara jelasnya mengganggu serta menjejaskan keutamaan agama Islam yang secara umumnya diketahui bahawa Islam ialah Agama Persekutuan (Siti Khatijah & Fazli 2015).

Nur Farhana & Khadijah (2016) dan Khairul Azhar (2016b) pula secara terperinci membahagikan isu-isu sensitiviti agama kepada empat bahagian melalui analisa kepustakaan yang dijalankan. Bahagian pertama iaitu isu-isu keagamaan terdiri daripada isu penggunaan kalimah Allah, bacaan al-Quran oleh bukan Muslim dan mendoakan bukan Muslim. Bahagian kedua ialah berkenaan isu-isu kemasyarakatan iaitu isu bukan Muslim memasuki masjid, pemakaian simbol agama lain dan bantahan penzahiran syiar Islam. Bahagian ketiga pula ialah berkaitan perundangan yang terdiri daripada isu bukan Muslim sebagai peguam syarie, sekatan penyebaran agama lain dan pembinaan rumah ibadat agama lain. Bahagian keempat adalah berkenaan perniagaan iaitu isu jualan arak, perusahaan khinzir dan Islamisasi perniagaan bukan Muslim. Isu-isu tersebut dipercayai sebagai antara isu-isu sensitif berikutan timbulnya kontroversi antara Muslim dan bukan Muslim sehingga munculnya rasa tidak puas hati, bantahan, pertikaian, pergaduhan, demonstrasi dan sebagainya.

Kajian yang dilakukan oleh Muhamad Faisal & Muhamad A'rif (2019) pula menfokuskan kepada enam isu yang dilihat wujud dalam hubungan antara Muslim dan bukan Muslim antara tahun 1980-2005. Antara isu yang dibangkitkan ialah Islam agama yang eksklusif, kebebasan beragama, bidang kuasa mahkamah, pembinaan rumah ibadat, isu bahasa dan negara Islam. Kesemua isu tersebut dikategorikan sebagai sensitif berikutan ianya menjadi punca rasa tidak puas hati dalam kalangan bukan Muslim. Keadaan tersebut menyebabkan golongan bukan Muslim melakukan bantahan dan perjuangan dengan menubuhkan Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism (MCCBCHST), Suruhanjaya Inter-Agama (Inter-Religious Commission), Kumpulan Artikel 11 dan Barisan Bertindak Hak Hindu (Hindraf).

Isu-isu sensitiviti agama yang muncul dalam kalangan masyarakat selain melibatkan persatuan atau badan-badan NGO tertentu, ianya turut melibatkan pelbagai pihak sama ada keluarga, kenalan atau jiran terutamanya kelompok yang terdiri daripada pelbagai agama. Kelompok-kelompok ini antaranya, mampu menjadi pendorong atau penghalang dalam menjaga sensitiviti agama selain pengaruh-pengaruh seperti media sosial, diri sendiri dan sebagainya. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Bandura (1977) di mana, kelompok atau sesuatu yang rapat dan penting bagi seseorang individu mampu memberikan kesan kepada tindakan seseorang. Tindakan ke arah positif menjadikan kelompok atau perkara tersebut sebagai pendorong manakala sisi yang lain menjadi penghalang dalam tindakan seseorang. Berkenaan isu-isu sensitiviti yang masih berlaku di Malaysia, halangan utama dalam menjaga sensitiviti agama wajar dikenalpasti bagi memastikan keharmonian di Malaysia terus melonjak.

Secara umumnya, antara isu teologi yang telah dinyatakan ialah isu kalimah Allah dan murtad. Isu sosial adalah seperti rumah ibadat, suara azan dan pemakaian simbol agama lain manakala isu berkaitan etika ialah isu berkenaan penghinaan agama. Isu-isu ini berlaku

disebabkan oleh keadaan masyarakat yang kurang faham dan tidak mengetahui sensitiviti agama-agama sehingga mereka tidak dapat mengklasifikasikan isu-isu yang sesuai dibicarakan di khalayak ramai dan sebaliknya. Perkara ini secara tidak langsung mendatangkan tafsiran negatif dan prejudis terhadap sesuatu agama. Isu-isu agama merupakan isu-isu yang sensitif dalam kalangan masyarakat multi-agama kerana ianya mengakibatkan rasa tidak senang penganut agama tertentu. Perkara ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Siti Khadijah & Fadzli (2017) bahawa, perkara-perkara berkenaan agama disifatkan sebagai suci. Oleh itu, sebarang bentuk penghinaan dan penindasan terhadap agama diklasifikasikan sebagai tindakan yang menjejaskan kesucian agama serta mampu mengeruhkan hubungan antara agama.

Berdasarkan senarai isu-isu sensitif agama yang dinyatakan, kajian ini membahagikan isu-isu sensitif agama kepada tiga bahagian iaitu isu teologi, sosial dan etika. Kajian dijalankan bagi mengenalpasti persepsi penganut agama pada masa kini terhadap isu-isu sensitif agama serta mengenalpasti tahap sensitiviti agama masyarakat disamping menjelaskan halangan yang dihadapi penganut agama dalam menjaga sensitiviti agama. Hasil kajian ini signifikan bagi memastikan penganut Muslim dan bukan Muslim di Malaysia mempunyai pengetahuan tentang perkara-perkara yang mengganggu sensitiviti agama. Ia juga dapat digunakan sebagai panduan dalam memastikan segala komunikasi dan interaksi yang dijalankan antara dua atau lebih pihak tidak ke arah menimbulkan rasa prejudis serta pandangan negatif satu agama kepada agama lain.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif yang melibatkan kajian survey berkaitan persepsi penganut-penganut agama terhadap isu-isu sensitif agama. Kajian dilakukan di kawasan Lembah Klang iaitu Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Pemilihan kawasan kajian di Lembah Klang adalah kerana bilangan penduduk Muslim dan bukan Muslim yang seimbang dan tidak mempunyai perbezaan yang sangat ketara iaitu 56% Muslim dan 44% bukan Muslim (Jabatan Perangkaan Malaysia 2010). Saiz sample kajian ditentukan berdasarkan peratusan populasi Islam (56%), Buddha (29%), Hindu (11%) dan Kristian (9%) di Lembah Klang.

Kajian menggunakan instrument soal selidik dan diedarkan kepada 384 orang responden kajian menggunakan kaedah pensampelan berstrata (*stratified sampling*). Soal selidik yang dibina mempunyai lima bahagian iaitu Bahagian A (Demografi), Bahagian B (Isu Teologi), Bahagian C (Isu Sosial), Bahagian D (Isu Etika) dan Bahagian E (Halangan Sensitiviti Agama). Bahagian A diukur menggunakan skala nominal manakala Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D menggunakan lima skala likert iaitu: 1= Sangat Tidak Sensitif; 2= Tidak Sensitif; 3= Sederhana Sensitif; 4=Sensitif dan 5=Sangat Sensitif. Bahagian E pula menggunakan lima skala likert iaitu: 1= Sangat Tidak Setuju; 2= Tidak Setuju; 3= Sederhana Setuju; 4= Setuju dan 5=Sangat Setuju.

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan *perisian IBM Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 23.0. Data kemudiannya dianalisa menggunakan statistik deskriptif melalui pencarian frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Data kajian turut menggunakan nilai kiraan tahap dalam menentukan tahap persepsi penganut kajian. Nilai penentuan tahap tersebut berbeza mengikut bahagian dalam soal selidik kajian kerana ia bergantung kepada jumlah item yang terdapat pada setiap pemboleh ubah.

Kerangka Teori

Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori yang dikembangkan oleh Fishbein dan Ajzen iaitu *Theory of Planned Behavior* dengan menfokuskan kepada pengaruh pertama iaitu *Attitude toward the Behavior* atau sikap terhadap tingkahlaku Ajzen (1991). Sikap terhadap tingkahlaku ialah sikap seseorang terhadap benda, peristiwa, orang, fenomena dan sebagainya. Sikap difahami sebagai penilaian seseorang terhadap perkara-perkara tersebut. Penilaian tersebut sama ada bersifat positif atau negatif. Penilaian yang positif terhadap sesuatu perkara iaitu

dengan melihatnya sebagai sesuatu yang bermanfaat, penting, menyenangkan dan sebagainya akan mempengaruhi diri untuk melakukan sesuatu tindakan. Manakala, penilaian yang negatif terhadap perkara-perkara tersebut akan menghalang daripada terbitnya sesuatu perbuatan atau tindakan (Ajzen 1991; Leo Agung 2013). Berkenaan kajian ini, persepsi atau pandangan penganut agama terhadap isu-isu agama membuktikan tindakan penganut agama tersebut. Penilaian yang negatif terhadap sesuatu isu menunjukkan isu tersebut tidak wajar dilakukan kerana bersifat sensitif dan begitulah sebaliknya.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Jumlah populasi penduduk warganegara Malaysia beragama Islam, Buddha, Hindu dan Kristian yang tinggal di Lembah Klang ialah sebanyak 6 523 294 orang. Jumlah itu terdiri daripada penganut agama Islam (3 676 160 orang), Buddha (1 872 841 orang), Hindu (721 767 orang) dan Kristian (252 526 orang) (Jabatan Perangkaan Malaysia 2010). Berdasarkan jumlah-jumlah tersebut, Jadual Krejcie & Morgan menunjukkan, jumlah responden kajian ini ialah sebanyak 384 orang berikutan jumlah populasi kajian melebihi 100 000 orang (Krejcie & Morgan 1970). Responden yang terlibat dalam kajian adalah mereka yang berusia 18 tahun dan ke atas sahaja serta merupakan warganegara Malaysia. 384 orang yang terpilih secara rawak terdiri daripada pelbagai latar belakang agama, jantina, umur dan status. Profil demografi kajian adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: Profil Demografi Kajian

	Demografi	Kekerapan	Peratusan
<i>Agama</i>	Islam	215	56.0 %
	Buddha	111	29.0 %
	Hindu	42	11.0 %
	Kristian	16	4.0 %
<i>Umur</i>	18 - 20 tahun	59	15.4 %
	21 - 30 tahun	251	65.4 %
	31 - 40 tahun	28	7.3 %
	41 - 50 tahun	22	5.7 %
	51 - 60 tahun	21	5.5 %
	61 tahun dan ke atas	1	0.3 %
	Lain-lain	2	0.5 %
<i>Status</i>	Bujang	304	79.2 %
	Berkahwin	73	19.0 %
	Duda/Janda/Balu	7	1.8 %

Sumber: Soal Selidik 2019

Jadual 1 menunjukkan bahawa terdapat seramai 215 orang (56.0%) penganut Islam, 111 orang (29.0%) penganut Buddha, 42 orang (11.0%) penganut Hindu dan 16 orang (4.0%) penganut Kristian. Berdasarkan umur pula, kajian menunjukkan, seramai 59 orang responden (15.4%) berumur 18-20 tahun, 251 orang (65.4%) berumur 21-30 tahun dan 28 orang (7.3%) yang berumur 31-40 tahun. Sebanyak 22 orang (5.7%) pula berusia 41-50 tahun, 21 orang (5.5%) berusia antara 51-60 tahun dan seorang (0.3%) yang berusia 61 tahun dan ke atas. Responden yang tidak diketahui umurnya pula sebanyak 2 orang (0.5%). Taburan umur ini menunjukkan, kebanyakan responden berusia antara 21 hingga 30 tahun. Status responden pula menunjukkan, 304 orang responden (79.2%) masih bujang, 73 orang (19.0%) yang telah berkahwin, manakala

selebihnya iaitu seramai 7 orang (1.8%) merupakan seorang duda, janda atau balu. Secara keseluruhannya menunjukkan, majoriti responden masih bujang atau belum berkahwin.

Persepsi terhadap Isu- isu Sensitif Agama

Persepsi setiap penganut agama terhadap sesuatu perkara adalah berbeza-bebeza mengikut kepentingan agama masing-masing. Terdapat agama yang melihat menyembah tuhan berhala sebagai baik namun ianya dilihat sebaliknya oleh agama lain. Begitu juga dalam soal pakaian, makanan dan sebagainya. Namun, kesemua agama sepakat dalam menghormati amalan-amalan dan agama lain. Secara umumnya, agama Islam, Buddha, Hindu dan Kristian berkongsi pegangan yang sama terhadap perkara-perkara berkaitan etika dan moral. Semua agama menganjurkan penganutnya menghormati agama lain dan menjalankan tindakan yang bermoral dan beretika walaupun kepercayaan dan amalan agama yang berbeza. Setiap agama melarang penganutnya membunuh, berzina, mencuri, berbohong, menfitnah, melakukan kerosakan, menghina dan sebagainya. Larangan-larangan itu adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam kitab suci agama masing-masing.

Justeru, sekiranya tindakan-tindakan tidak bermoral tersebut dilakukan, ia secara jelas telah menimbulkan rasa tidak senang penganut-penganut agama kerana tindakan-tindakan tersebut diklasifikasikan sebagai tindakan yang tidak menjaga sensitiviti agama. Oleh itu, pemahaman dan pengetahuan tentang perkara-perkara berkaitan sensitiviti agama seperti isu-isu sensitif agama menjadi tunggak utama dalam memelihara hubungan antara penganut-penganut agama dalam masyarakat ini.

Isu-isu sensitif agama dalam kajian ini terdiri daripada tiga bahagian iaitu isu teologi (Bahagian B), isu sosial (Bahagian C) dan isu etika (Bahagian D). Isu teologi terdiri daripada 6 item, isu sosial pula disenaraikan sebanyak 10 item manakala isu etika pula mempunyai 6 item. Isu-isu ini diuji bertujuan mengenalpasti isu-isu yang dianggap paling sensitif dan paling tidak sensitif oleh majoriti penganut agama.

Jadual 2: Isu-isu Teologi

No	Item	n (%)					Min	Sisihan Piawai
		STS	TS	SS	S	SGTS		
1	Mempersendakan nama Tuhan.	3(0.8)	13(3.4)	37(9.6)	50(13.0)	281(73.2)	4.54	0.860
2	Menghormati kepercayaan agama masing-masing.	37(9.6)	27(7.0)	32(8.3)	97(25.3)	191(49.7)	3.98	1.317
3	Menghina nabi atau utusan agama-agama.	7(1.8)	12(3.1)	25(6.5)	50(13.0)	290(75.5)	4.57	0.885
4	Bebas menukar agama.	22(5.7)	31(8.1)	56(14.6)	68(17.7)	207(53.9)	4.06	1.234
5	Pertukaran agama perlu diisytiharkan.	26(6.8)	28(7.3)	76(19.8)	80(20.8)	174(45.3)	3.91	1.244
6	Menghina kitab suci atau amalan agama lain.	8(2.1)	6(1.6)	26(6.8)	51(13.3)	293(76.3)	4.60	0.849

Sumber: Soal Selidik 2019

Berdasarkan Jadual 2 di atas, isu yang paling sensitif ialah isu berkenaan kitab suci atau amalan agama lain iaitu pada item 6 “menghina kitab suci atau amalan agama lain” kerana item ini telah mencatatkan nilai min tertinggi. Isu ini adalah sebagaimana yang telah berlaku pada 2015 yang melibatkan seorang penganut bukan Muslim, Alvin Tan (Anon 2015a). Kes seumpama ini

turut dilakukan oleh seorang lelaki lain iaitu dengan memijak al-Quran. Tindakan tersebut dibuat secara langsung di sebuah akaun Facebook dan ditonton oleh orang ramai. Berikutan kes tersebut, lelaki itu dilaporkan telah ditahan oleh pihak polis untuk siasatan kerana telah mengundang serta mengganggu sensitiviti umat Islam (Mohamed Farid 2020). Berdasarkan kes ini, ianya secara jelas menunjukkan bahawa, kitab suci adalah perkara yang sensitif dalam konteks agama-agama kerana ianya mendatangkan kemarahan penganut agama sekiranya tidak dihormati dan dipermainkan.

Isu yang paling tidak sensitif pula adalah berkenaan isu pengisytiharaan pertukaran agama iaitu pada item 5 “pertukaran agama perlu diisytiharkan”. Isu ini lazimnya timbul apabila bukan Muslim memeluk agama Islam. Terdapat golongan yang serta merta mengisytiharkan agama barunya iaitu Islam dan terdapat juga golongan yang menyembunyikan keIslamannya terlebih dahulu. Pecahan ini terjadi kerana sebahagian mereka berhadapan dengan beberapa masalah sehingga memaksa mereka menyembunyikan keIslamannya mereka.

Nur A'thiroh & Fariza (2009) menyatakan, golongan yang memeluk Islam lazimnya akan berhadapan dengan masalah seperti dipulaukan keluarga. Faktor ini menurut Khairani et al. (2015) sebagai salah satu faktor besar sebahagian muallaf bertindak merahsiakan keIslamannya selain sebagai satu tindakan menyelamatkan diri. Tindakan ini dibuat adalah hasil perbincangan, pandangan dan nasihat daripada pihak-pihak yang berautoriti dalam bidang ini. Berkenaan hal ini, isu pengisytiharaan pertukaran agama dilihat kurang sensitif atau penting kerana ianya masih boleh diterima oleh masyarakat bergantung pada situasi, keadaan atau masalah yang berlaku. Masyarakat dalam hal ini masih boleh bertolak ansur kepada individu yang memilih untuk mengisytiharkan atau merahsiakan pertukaran agama mereka.

Jadual 3: Isu-isu Sosial

No	Item	n (%)					Min	Sisihan Piawai
		STS	TS	SS	S	SGTS		
1	Menghormati laungan azan.	28(7.3)	28(7.3)	60(15.6)	87(22.7)	181(47.1)	3.95	1.256
2	Melakukan kerosakan di rumah ibadat.	14(3.6)	4 (1.0)	11(2.9)	69(18.0)	286(74.5)	4.59	0.896
3	Menghormati upacara ibadat.	33(8.6)	23(6.0)	36(9.4)	94(24.5)	198(51.6)	4.04	1.275
4	Menghadiri majlis perkahwinan penganut agama lain.	89(23.2)	89(23.2)	95(24.7)	51(13.3)	60(15.6)	2.75	1.363
5	Meneruskan hubungan kekeluargaan walaupun berbeza agama.	89(23.2)	78(20.3)	69(18.0)	59(15.4)	89(23.2)	2.95	1.488
6	Meraikan perayaan agama lain.	79(20.6)	66(17.2)	97(25.3)	61(15.9)	81(21.1)	3.00	1.415
7	Menghadiri upacara pengebumian penganut agama lain.	68(17.7)	77(20.1)	109(28.4)	68(17.7)	62(16.1)	2.95	1.317

8	Mengunjungi rumah ibadat agama lain.	73(19.0)	96(25.0)	93(24.2)	63(16.4)	59(15.4)	2.84	1.330
9	Menggunakan kekerasan atas nama agama (contoh: ekstremis agama atau <i>genocide</i>).	15(3.9)	7(1.8)	31(8.1)	70(18.2)	261(68.0)	4.45	0.995
10	Menegakkan ajaran agama tanpa memikirkan Perlembagaan Persekutuan.	13(3.4)	21(5.5)	77(20.1)	100(26.0)	173(45.1)	4.04	1.084

Sumber : Soal Selidik 2019

Jadual 3 di atas menunjukkan, isu yang paling sensitif dalam konteks sosial ialah isu berkenaan rumah ibadat iaitu pada item 2 “melakukan kerosakan di rumah ibadat”, kerana item ini telah mencatatkan bacaan min tertinggi. Perkara ini adalah selari dengan realiti kini apabila rasa tidak senang yang muncul antara penganut agama berlaku atas faktor kes kerosakan rumah ibadat yang berlaku berulang kali. Insiden ini adalah sebagaimana yang berlaku di salah sebuah surau di Klang apabila terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab telah meletakkan sebuah berhala Hindu di kawasan sebuah surau. Sahlizah (2019) menjelaskan bahawa kes yang sama telah berulang buat kali kedua di surau yang sama sehingga pihak berkuasa digesa mengambil tindakan bagi mengelakkan provokasi terus timbul dalam kalangan masyarakat di kawasan tersebut utamanya

Tindakan merosakkan rumah ibadat turut berlaku di salah sebuah masjid dan surau di Johor Bahru di mana seorang lelaki telah menyimbah cat berwarna merah di masjid dan surau di sebuah kawasan penempatan negeri tersebut. Insiden tersebut mendatangkan kemarahan umat Islam dan tindakan diambil terhadap lelaki terbabit di bawah Seksyen 295 Kanun Keseksaan kerana telah melakukan khianat di rumah ibadat (Anon 2019a). Insiden-insiden dan tindakan-tindakan yang diambil berkaitan rumah ibadat yang berlaku secara tidak langsung menunjukkan bahawa isu berkenaan rumah ibadat sangat sensitif dan tidak boleh dipermainkan oleh mana-mana agama sekalipun.

Isu yang paling tidak sensitif dalam bahagian sosial pula ialah pada item 4 “menghadiri majlis perkahwinan penganut agama lain”. Isu ini dilihat tidak sensitif kerana elemen perkahwinan dilihat sangat lazim dalam masyarakat beragama dan kurang mendatangkan persoalan dalam masyarakat. Setiap agama tidak menghalang penganutnya menghadiri majlis perkahwinan penganut agama lain terutamanya apabila melibatkan keluarga, jiran atau rakan walaupun ia perlu dibatasi dengan perkara-perkara tertentu seperti tidak melibatkan diri dalam aktiviti atau upacara yang bercanggah dengan agama (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan 2018). Justeru, isu berkenaan menghadirkan diri ke majlis perkahwinan agama lain tidak banyak menimbulkan permasalahan dan tidak disifatkan sebagai suatu isu yang paling sensitif.

Jadual 4: Isu-isu Etika

No	Item	n (%)					Min	Sisihan Piawai
		STS	TS	SS	S	SGTS		
1	Mencerca simbol agama lain.	9(2.3)	10(2.6)	35(9.1)	100(26.0)	230(59.9)	4.39	0.927
2	Menyediakan juadah dengan mengambil kira	26(6.8)	29(7.6)	50(13.0)	104(27.1)	175(45.6)	3.97	1.225

	sensitiviti agama lain.							
3	Menghormati etika berpakaian agama lain.	39(10.2)	34(8.9)	63(16.4)	98(25.5)	150(39.1)	3.74	1.328
4	Menghina jenazah penganut agama lain.	10(2.6)	7(1.8)	27(7.0)	88(22.9)	252(65.6)	4.47	0.902
5	Islam adalah agama rasmi persekutuan.	39(10.2)	29(7.6)	71(18.5)	73(19.0)	172(44.8)	3.81	1.348
6	Agama lain selain agama Islam bebas diamalkan namun tidak boleh disebarkan kepada penganut agama Islam.	34(8.9)	32(8.3)	71(18.5)	78(20.3)	169(44.0)	3.82	1.315

Sumber: Soal Selidik 2019


Jadual 4 di atas menunjukkan, item 4 “menghina jenazah penganut agama lain” yang memperoleh nilai min tertinggi sebagai isu yang paling sensitif dalam konteks etika. Berkenaan hal ini, terdapat sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari yang bermaksud “Sesungguhnya telah lalu di hadapan Nabi SAW satu jenazah, lalu Baginda bangun (untuk menghormati). Lalu diberitahu kepada baginda: “Itu jenazah seorang yahudi”. Baginda bersabda: “Tidakkah ia juga jiwa (insan)?”. Menurut al-Qaradhawi (1999), hadith tersebut telah dijelaskan oleh al-Zarqa bahawa, tindakan Baginda tersebut hanya sekadar menunjukkan kepada penghormatan dan kemuliaan terhadap jenazah. Hal tersebut tiada kaitan dengan akidah jenazah tersebut. Justeru, dalam konteks ini, jenazah mana-mana penganut agama perlulah dihormati sebaiknya dan tindakan menghina jenazah atau mayat seseorang adalah perbuatan yang tidak wajar. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan dalam agama lain yang turut sama menolak melakukan sebarang penghinaan kepada mana-mana individu dengan menjaga tingkah laku.

Item 3 “menghormati etika berpakaian agama lain” iaitu berkenaan pakaian agama lain pula dilaporkan sebagai isu yang paling tidak sensitif. Pakaian agama lain dalam konteks ini adalah pakaian yang melambangkan sesuatu agama. Menurut Panel Kajian Syariah, penganut agama Islam diharamkan memakai pakaian yang secara khususnya melambangkan sesuatu agama seperti pakaian paderi dan *santa claus* yang melambangkan agama Kristian, pakaian sami dan seumpamanya (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2002). Larangan secara jelas ini menunjukkan, penganut agama Islam terutamanya tidak melihat isu ini sebagai isu yang paling sensitif kerana ianya tidak perlu dipersoalkan. Agama lain turut sepakat dalam hal ini apabila turut menitikberatkan soal menghormati agama lain sama ada dari segi amalan, pakaian dan sebagainya.

Tahap Sensitiviti Agama


Tahap sensitiviti agama penganut mencatatkan dapatan dan nilai yang berbeza dalam soal teologi, sosial dan etika memandangkan ketiga-tiga perkara ini mempunyai keutamaan yang berbeza terutama apabila melibatkan akidah atau kepercayaan. Tahap-tahap tersebut adalah sebagaimana dalam rajah-rajah di bawah.

Rajah 1: Tahap Sensitiviti Agama terhadap Isu-isu Teologi




Sumber: Soal Selidik 2019

Rajah 2: Tahap Sensitiviti Agama terhadap Isu-isu Sosial



Sumber: Soal Selidik 2019

Rajah 3: Tahap Sensitiviti Agama terhadap Isu-isu Etika



Sumber: Soal Selidik 2019

Berdasarkan rajah-rajah di atas, tahap sensitiviti agama penganut terhadap isu-isu teologi dan etika adalah tinggi manakala dalam soal sosial ianya berada pada tahap sederhana. Hal ini menunjukkan, isu-isu teologi dan etika lebih dilihat sensitif berbanding isu-isu berkaitan sosial. Walaupun tahap sensitiviti penganut pada isu berkaitan sosial adalah sederhana, ianya turut dilihat penting memandangkan jarak perbezaan yang dicatatkan pada nilai tinggi dan sederhana dalam Rajah 6 sangat tipis iaitu 0.5. Berkenaan hal ini, isu-isu berkenaan teologi, sosial dan etika

dilihat amat penting dan perlu dikendalikan sebaiknya bagi mengelakkan munculnya ketidakharmonian dalam masyarakat multi-agama.

Rajah-rajah di atas turut menunjukkan, secara turutannya, penganut-penganut agama berasa amat sensitif apabila berhadapan dengan isu-isu berkaitan teologi, seterusnya etika dan akhir sekali isu-isu berkenaan sosial. Hal ini kerana perkara-perkara berkaitan teologi mempunyai kaitan rapat dengan akidah seseorang. Tambahan pula, akidah menjadi penentu sama ada seseorang itu beragama Islam atau bukan Islam. Bagi isu berkenaan sosial pula, ianya kurang menjadi masalah kepada masyarakat kerana perkara seperti perkahwinan, perayaan, rumah ibadat, hubungan kekeluargaan telah menjadi lazim dalam masyarakat multi-agama yang berpegang pada konsep bergantung antara satu sama lain. Konsep bermasyarakat ini secara tidak langsung mengajar masyarakat menerima norma-norma dalam sesuatu agama dan disesuaikan dalam kehidupan bermasyarakat berdasarkan garis panduan agama masing-masing.

Faktor Membentuk Sensitiviti Agama

Usaha menjaga sensitiviti agama-agama memerlukan kerjasama semua pihak sama ada individu, keluarga, masyarakat, kerajaan atau badan-badan lain. Kegagalan atau ketidaktelusan golongan-golongan ini dalam memikul tanggungjawab menjaga sensitiviti agama membawa kepada kerapuhan atau keruntuhan hubungan antara agama khususnya dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Golongan-golongan ini secara tidak langsung menjadi penghalang atau faktor kepada munculnya sikap tidak menjaga sensitiviti agama-agama. Berdasarkan hal ini, kajian dibuat untuk mengenalpasti halangan-halangan dalam menjaga sensitiviti agama.

Jadual 6: Halangan Sensitiviti Agama

No	Item	n (%)					Min	Sisihan Piawai
		STS	TS	SS	S	SGTS		
1	Saya hanya mempunyai kenalan yang sama agama dengan saya sahaja.	145(37.8)	90(23.4)	66(17.2)	43(11.2)	40(10.4)	2.33	1.353
2	Saya hanya mempunyai jiran yang sama agama dengan saya sahaja.	134(34.9)	84(21.9)	57(14.8)	54(14.1)	55(14.3)	2.51	1.447
3	Saya mempunyai sedikit kenalan yang berbeza agama daripada saya.	72(18.8)	72(18.8)	83(21.6)	93(24.2)	64(16.7)	3.01	1.361
4	Saya mempunyai sedikit jiran yang berbeza agama daripada saya.	70(18.2)	70(18.2)	81(21.1)	99(25.8)	64(16.7)	3.04	1.356
5	Penganut agama lain bersikap tidak baik kepada saya	147(38.3)	125(32.6)	64(16.7)	26(6.8)	22(5.7)	2.09	1.154

6	Saya pernah mempunyai pengalaman buruk dengan penganut agama lain.	121(31.5)	105(27.3)	75(19.5)	60(15.6)	22(5.7)	2.37	1.235
7	Keluarga saya hanya berurusan dengan penganut agama yang sama sahaja.	155(40.4)	104(27.1)	58(15.1)	43(11.2)	23(6.0)	2.15	1.236
8	Nilai dan identiti agama saya akan hilang jika saya bertolak-ansur dengan penganut agama lain.	215(56.0)	86(22.4)	40(10.4)	20(5.2)	22(5.7)	1.82	1.167
9	Isu sensitiviti agama yang berlaku di Malaysia menjadikan saya takut berkenalan dengan penganut agama lain.	158(41.1)	103(26.8)	63(16.4)	38(9.9)	22(5.7)	2.12	1.215
10	Media sosial selalu menunjukkan berita ketegangan antara agama yang berlaku di Malaysia.	56(14.6)	55(14.3)	84(21.9)	86(22.4)	103(26.8)	3.33	1.387

Sumber: Soal Selidik 2019

Berdasarkan Jadual 6, dapatan kajian menunjukkan, faktor tertinggi menyebabkan sensitiviti agama ialah paparan pada media sosial iaitu pada item 10. Keekerapan media sosial dalam menunjukkan berita ketegangan antara agama yang berlaku mampu menimbulkan rasa prejudis antara penganut agama sehingga mendorong kerapuhan pada usaha menjaga hubungan dan sensitiviti antara agama. Melihat pada realiti teknologi kini, menurut Han & Xu (2020), media sosial merupakan medium utama masyarakat dalam berkomunikasi dan mendapatkan pelbagai informasi sama ada yang bersifat setempat atau global.

Drahosova & Balco (2017) pula menyatakan, media sosial adalah satu platform yang paling kerap digunakan oleh setiap individu pada masa kini. Ianya memaparkan pelbagai berita sama ada yang bersifat positif atau negatif. Ianya secara tidak langsung mampu memberikan sedikit sebanyak pengaruh kepada masyarakat bergantung pada perkara yang diperoleh daripada medium tersebut. Kenyataan ini turut ditegaskan oleh Zulkifli (2012) yang menyatakan, media sosial amat berpengaruh dalam membentuk persepsi masyarakat. Hal ini dibuktikan dengan pemaparan filem berunsur Islamofobia seperti "Innocence of Muslim" yang mendorong kepada wujudnya prejudis penganut bukan Muslim kepada Muslim disamping menimbulkan provokasi antara agama. Paparan seumpama ini secara jelasnya mampu menjadi halangan utama dalam menjaga sensitiviti agama-agama.

Faktor yang terendah dalam sensitiviti agama pula adalah berkenaan nilai dan identiti agama akan hilang sekiranya individu tersebut bertolak ansur dengan penganut agama lain iaitu

pada item 8. Berdasarkan data yang dikeluarkan, kebanyakan responden tidak bersetuju dengan kenyataan ini kerana menurut mereka, nilai dan identiti agama tidak akan hilang dengan sikap bertolak ansur antara penganut agama. Ini ditegaskan juga oleh Abdullah (2018), agama sendiri menyarankan penganutnya bertolak ansur sesama penganut agama, saling hormat menghormati serta meraikan perbezaan bagi memelihara keamanan dan keharmonian masyarakat beragama. Saranan ini terdapat dalam semua agama sama ada Islam, Buddha, Hindu atau Kristian. Dapatan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa, perkara tersebut tidak menjadi halangan dalam sensitiviti agama.

Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan, isu yang paling sensitif dalam konteks teologi menurut persepsi penganut agama ialah berkenaan penghinaan kitab suci dan amalan agama lain. Isu paling sensitif dalam konteks sosial pula ialah berkaitan tindakan melakukan kerosakan di rumah ibadat manakala dalam konteks etika pula ialah penghinaan terhadap jenazah penganut agama lain. Hasil kajian turut mendapati, tahap sensitiviti agama penganut terhadap isu-isu teologi dan etika adalah tinggi manakala ianya berada pada tahap sederhana apabila merujuk kepada isu-isu sosial. Hal ini menunjukkan, isu-isu teologi dan etika lebih dilihat sensitif berbanding isu-isu sosial.

Dapatan akhir pula menunjukkan, sikap tidak menjaga sensitiviti agama yang berlaku di Malaysia sehingga timbul pelbagai isu-isu sensitif agama adalah atas faktor media sosial. Ke kerapannya berita-berita ketegangan antara agama dipaparkan di platform utama masyarakat zaman ini iaitu media sosial, telah menjadi penghalang utama dalam mengamalkan sikap menjaga sensitiviti agama kerana berita-berita tersebut telah mendorong kepada wujudnya prejudis antara agama. Masalah ini boleh di atasi dengan memurnikan paparan media sosial dengan berita-berita perpaduan, kesepakatan, dan persefahaman antara agama melebihi berita-berita realiti ketegangan antara agama.

Acknowledgement

A special appreciation to Universiti Kebangsaan Malaysia for the research grant of Geran Galakan Penyelidik Muda GGPM-2017-018 which funded our research entitled: *Persepsi Penganut Agama Terhadap Sensitiviti Agama: Kajian Kes di Lembah Klang*. Part of this article is also contributed from the findings of a pilot study for Master's research entitled: *Sensitiviti Agama Penganut Muslim dan Bukan Muslim di Malaysia* submitted to Universiti Kebangsaan Malaysia.

References

- Ab. Aziz Mohd Zin, Faisal Ahmad Shah, Mariam bt. Abd Majid & Mohd Makhi b. Adnan. 2008. Perasaan orang bukan Islam terhadap laungan suara, bacaan dan aktiviti masjid di Negeri Selangor Darul Ehsan. *Jurnal Usuluddin* 27: 109-119.
- Abd Hakim Mohd, Yusten Karulus, Saini Ag Damit, Mohd Sohaimi Esa, Dayu Sansalu, Ros Aiza Mohd Mokhtar, Ahmad Tarmizi Talib & Sarjit S. Gill. 2015. Memahami Sikap Masyarakat Kristian terhadap Masyarakat Islam di Sabah: Pasca Isu Larangan Menggunakan Kalimah Allah. Kertas kerja Proceedings of International Conference of Empowering Islamic Civilization in the 21st Century. Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, 6-7 September.
- Abdullah Mumin. 2018. Pendidikan toleransi perspektif pendidikan agama Islam (telaah muatan pendekatan pembelajaran di sekolah). *Al-Afkar, Journal for Islamic Studies* 1(2): 15-26.
- Ajzen, Icek. 1991. The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*. 50: 179-211.
- Anon. 2015a. Alvin hina al-Quran, Teresa sifatkan sebagai perbuatan hina dan keji. *Roket Kini*. 13 November. (online) <https://www.roketkini.com/2015/11/13/alvin-hina-al-quran-teresa-sifatkan-perbuatan-gila-dan-keji/> [25th March 2020].

- Anon. 2015b. Larangan guna pembesar di masjid selain untuk azan akan diwarta di Pulau Pinang. *Astro Awani*, 1 October. (online) <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/larangan-guna-pembesar-suara-di-masjid-selain-untuk-azan-akan-diwarta-di-p-pinang-75009> [12 December 2019].
- Anon. 2019. Lelaki simbah cat di masjid dan surau ditahan. *Astro Awani*, 17 September. (online) <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-simbah-cat-di-masjid-dan-surau-ditahan-217675> [4 April 2020].
- Bandura, A. 1977. *Social Learning Theory*. London: Prentice-Hall, Inc.
- Drahosova, M. & Balco, P. 2017. The analysis of advantages and disadvantages of use of social media in European Union. *Procedia Computer Science*. 109C: 1005-1009.
- Han, R. & Xu, J. 2020. A comparative study of the role of interpersonal communication, traditional media and social media in pro-environmental behavior: A China-based study. *International Environmental Research and Public Health* 17: 1-21.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2002. Orang Islam memakai pakaian yang melambangkan agama lain. (online) <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/5> [4 April 2020].
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2010. Jumlah penduduk mengikut kumpulan etnik, agama, jantina dan negeri, Malaysia. (online) <https://www.statistics.gov.my/censusatlas/images/ReligionEN.pdf> [10 October 2019].
- Khairani Husin, Mohd al-Adib Samuri & Mohd Zamro Muda. 2015. Privasi dan perisytiharan pemeluk Islam menurut perspektif Islam. *Jurnal Hadhari* 7(2): 31-47.
- Khairul Azhar Meerangani. 2016a. Isu penggunaan kalimah Allah oleh pihak Kristian: analisis menurut hukum Islam. *Jurnal Fiqh* 13: 117-138.
- Khairul Azhar Meerangani. 2016b. Isu Semasa terhadap Hubungan Sosial dengan Non-Muslim di Malaysia daripada Perspektif Hukum Islam. Tesis Ph.D. Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610.
- Leo Agung Manggala Yogatama. 2013. Analisis pengaruh attitude, subjective norm dan perceived behavior control terhadap intensi penggunaan helm saat mengendarai motor pada remaja dan dewasa muda di Jakarta Selatan. Kertas kerja Proceeding PESAT Psikologi, ekonomi, Sastra, Arsitektur & Teknik Sipil. Universitas Gunadarma, Bandung, 8-9 October.
- Mohamed Farid Noh. 2020. Suspek pijak al-Quran, hina Islam direman tiga hari. *Berita Harian Online*, 16 February. (online) <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/02/656066/suspek-pijak-al-quran%C2%A0hina-islam-direman-tiga-hari> [25 March 2020].
- Muhammad Faisal Ashaari & Muhamad A'riff Khushairi. 2019. Isu-isu agama dalam hubungan antara kaum di Malaysia 1980-2005. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(1): 087-098.
- Muhammad Nazmi Abd Halim, Jaffary Awang, Muhammad Helmy bin Abdul Gapar. 2016. Tahap pengetahuan rakyat Malaysia terhadap asas-asas dominan di Malaysia: kajian lapangan di Negeri Kedah dan Selangor. *Jurnal Komunikasi Borneo*. Edisi Khas. Konvokesyen UMS ke-18.
- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan binti Abdullah @ Tan Ai Pao & Fariza Md Sham. 2009. Keperluan memahami psikologi saudara Muslim. *Jurnal Hadhari* 2: 83-97.
- Nur Farhana Abdul Rahman & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. 2016. Kesediaan pemimpin agama Muslim dan Kristian dalam membentuk keharmonian agama: keperluan dan limitasi. *Afkar, Journal of 'Aqidah and Islamic Thought* 18(2): 103-148.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2018. Irsyad al-fatwa #248: hukum memasuki rumah ibadat agama lain dan menghadiri majlis perkahwinan orang Kristian di gereja. (online) <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2647-irsyad-fatwa->

- 248-hukum-memasuki-rumah-ibadat-agama-lain-dan-menghadiri-majlis-perkahwinan-orang-kristian-di-gereja [4 April 2020].
- Al-Qaradhawi, Yusuf (pnys.). 1999. *Fatawa Musthafa al-Zarqa*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Sahlizah Mohamed. 2019. Tangkap segera pelaku letakkan berhala di surau – Mujahid. *Astro Awani*. 24 February. (online) <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/tangkap-segera-pelaku-letakkan-berhala-di-surau-mujahid-199465> [25 March 2020].
- Siti Khatijah Yasin & Fadzli Adam. 2015. Konflik Perpaduan Kaum dalam Ketamadunan Masyarakat Melayu Malaysia. Kertas kerja Proceedings of International Conference of Empowering Islamic Civilization in the 21st Century. Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, 6-7 September.
- Siti Khatijah Yasin & Fadzli Adam. 2017. Sensitiviti Agama dalam Hubungan Masyarakat Pelbagai Kaum di Malaysia. Kertas kerja Proceedings of International Conference of Empowering Islamic Civilization. Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, 7-8 October.
- Zaid Ahmad, Ahmad Tarmizi Talib, Nur Ayuni Mohd Isa, Gill. S. S., Jayum Jawan & Abd Hakim Mohad. 2014. Kertas kerja Regional Seminar on Da'wah and Ethnicity: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective. Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi UKM, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, 20-21 November.
- Zulkifli Hasan. 2012. Memahami isu Islamofobia: Antara Persepsi dan Realiti. Bengkel Kefahaman Islamofobia. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 22 March.